



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 MEI 2021 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

21 MEI 2021 (JUMAAT)

Pendigitalan jana jualan RM1 bilion

PETALING JAYA – Kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi memacu ekonomi negara menerusi pemeraksanaan pendigitalan perniagaan telah menjana jualan hampir RM1 bilion sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac tahun lalu.

Menurut platform e-dagang, lebih daripada 100,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan telah didigitalkan bermula Mac 2020.

Ia dilaksanakan melalui kerjasama antara Shopee dengan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, persatuan dan kerajaan negeri.

Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho berkata, antara faktor pemacunya adalah pengumuman Kempen Beli Barangan Malaysia dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Turut diadakan adalah program e-dagang Perusahaan Mikro dan PKS Penjana, inisiatif Shop Malaysia Online Penjana melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia; Jana Niaga bersama Majlis Amanah Rakyat serta eFAMAPLACE oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.



MENTERI KPDNHEP, Datuk Alexander Nanta Linggi (tiga dari kanan) bersama Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid (dua dari kiri) melancarkan portal Beli Barangan Malaysia dalam aplikasi Shopee tahun lalu.

Menurut beliau, penjual baharu pula menerima bantuan khas untuk memulakan perjalanan digitalisasi mereka, seperti faedah dalam bentuk diskaun, bawcar pulangan tunai, kredit pengiklanan dan lain-lain untuk merangsang jualan.

"Kerjasama sedemikian perlu diteruskan untuk membawa im-

pak yang lebih hebat, ketika sambutan transaksi secara online di Malaysia dianggarkan berjumlah hanya tujuh peratus daripada jumlah jualan runcit negara tahun lalu.

"Jumlah tersebut adalah kecil apabila dibandingkan dengan peratus anggaran antarabangsa sebanyak 16 peratus, manakala

negara seperti China mencecah hampir 40 peratus.

"Digitalisasi bagi sektor runcit masih berada di tahap awal dan kami berharap boleh meneruskan momentum semasa.

"Kejayaan ini bakal membantu mengembangkan ekonomi digital, seterusnya merancakkan semula ekonomi negara secara

menyeluruh," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Selain itu, Ho menerangkan, Shopee akan menganjurkan kempen jualan Shopee pada 25 Mei ini dan juga pada 6 Jun ini.

Melalui kempen jualan tersebut, syarikat bakal menawarkan penghantaran percuma, bawcar harian dan pelbagai hadiah menarik kepada pelanggan.

Selain itu, Shopee akan menawarkan penghantaran percuma bagi pelanggan yang membelah pada harga minimum RM6, diskaun sehingga 66 peratus serta bawcar harian dan banyak lagi semasa kempen 6.6 Jualan Hebat yang akan bermula pada 25 Mei.

"Dengan sejumlah 16 juta Syiling Shopee untuk dimenangi, pengguna boleh mengumpul lebih banyak Syiling Shopee bagi menikmati lebih penjimatan, melalui permainan seperti *Shopee Farm*, *Shopee Spin & Win* dan *Shopee Shake Battle Mode*.

"Selain itu, *Shopee Vote & Win*, pula akan menghiburkan pengguna dengan peluang mengundi untuk hadiah kegemaran mereka seperti Sony PSS atau pembersih vakum Dyson," jelas beliau.

Ekonomi digital pacu hampir RM1 bilion

Hasil kerjasama antara Shopee dengan pelbagai pihak beri impak ketara

KUALA LUMPUR

Lebih daripada 100,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan (MSME) telah didigitalkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 melalui kerjasama antara Shopee dengan pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan persatuan.

Kerjasama strategik itu dijalinan berdasarkan matlamat untuk membantu pemulihan komuniti perniagaan terutamanya MSME tempatan dan peniaga-peniaga kecil setelah mereka terjejas akibat wabak Covid-19.

Hasil daripada kerjasama tersebut telah membantu memacu ekonomi Malaysia ke hadapan dan secara kolektifnya telah menjana jumlah jualan hampir RM1 bilion.

Pengarah Urusan Serantau Shopee, Ian Ho berkata, hasil kerjasama yang bermanfaat itu terutama antara sektor awam dengan entiti swasta seperti Shopee boleh memberi impak yang ketara kepada ekonomi digital Malaysia.

"Dengan menggabungkan maklumat yang relevan dan dana untuk penjual dari rakan kongsi kami, disertakan dengan rangkaian



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi (tengah) ketika melancarkan Majlis Kempen Beli Barangan Malaysia di ibu pejabat Shopee, Kuala Lumpur pada tahun lalu.

perkhidmatan dan ciri bersepadu seperti logistik, pembayaran, aliran Shopee Live dan kursus percuma Shopee University, kami dapat membantu MSME tempatan menjana pendapatan alternatif demi menyokong kehidupan mereka," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.


Menurutnya, walaupun wabak Covid-19 mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital, sumbangan transaksi dalam talian di Malaysia dianggarkan hanya 7 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan runcit negara pada tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah berkeajaan masih dianggap kecil apabila dibandingkan dengan peratus anggaran antarabangsa iaitu 16

peratus, manakala negara seperti China hampir mencecah 40 peratus.

Untuk menarik perhatian pelanggan yang mengutamakan pembelian dalam talian ke kedai mereka, para penjual dan jenama-jenama bekerjasama dengan Shopee bagi menawarkan para pengguna penghantaran percuma dengan pembelanjaan minimum RM6, diskaun 66 peratus serta baucar harian dan banyak lagi semasa 6.6 Jualan Hebat yang akan bermula pada 25 Mei.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Shopee 6.6 Jualan Hebat dan bagaimana anda boleh menyokong para penjual serta jenama-jenama ini, layari <https://shopee.com.my/m/6-6>.

 Senarai Harga Barang Keperluan	- Ayam	RM5.99	- Telur Gred A	RM10.00	- Gula Pasir	RM2.85	- Cili Merah	RM4.90
	- Daging Lembu Tempatan	RM33.99	- Ikan Kembung	RM9.99	- Bawang Besar Holland	RM2.69	- Kubis Bulat Tempatan	RM1.95
	- Daging Lembu Import	RM24	- Minyak Masak	RM5.90	- Bawang Putih	RM4.89	- Tepung Gandum	RM2.09
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>								